

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Peringkat umur remaja merupakan suatu tahap yang perlu diberi perhatian oleh para ibu bapa dan pendidik. Sekiranya seseorang pemuda dapat melalui peringkat ini dengan baik maka ia akan dapat memiliki sahsiah yang terpuji dalam kehidupannya. Peringkat ini perlu diberi perhatian oleh para ibu bapa dan guru kerana remaja merupakan harapan umat untuk menjadi bakal pemimpin pada masa hadapan. Oleh itu, tugas mendidik mereka merupakan suatu amanah besar yang dipertanggungjawabkan kepada para ibu bapa dan pendidik agar mereka dididik untuk beriltizam dengan ajaran Islam. Justeru itu, para ibu bapa dan pendidik perlu mengetahui cara-cara yang betul untuk mendidik mereka agar mereka dapat membesar sebagai pemuda beriman yang menjalani kehidupan berdasarkan hidayah Allah s.w.t¹

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Gejala keruntuhan akhlak di kalangan remaja semakin bertambah serius. Hal ini semakin terserlah dengan terdedahnya penglibatan remaja dalam kumpulan *Black Metal* yang menggalakkan aktiviti anti agama dan pemujaan syaitan. Selain itu, berlaku juga masalah sumbang mahram, dan masalah-masalah lain yang

¹ Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz (1984), *Turbīyyah al-Murābiq fī al-Madrasah al-Islāmiyyah*. T.T.P.: al-Hai'ah al-Miṣriyyah, h. 9

memburukkan imej remaja seperti penagihan dadah, homoseksual, menggugurkan kandungan, gangsterisme, minum arak, merokok ,mengganggu keamanan, melepak dan pergaulan bebas.²

Dalam pada itu remaja adalah komponen penduduk yang penting dalam sesebuah negara yang mana jumlahnya adalah sangat besar. Mereka juga adalah pelapis yang bakal menggantikan orang dewasa dalam menguruskan negara dan mengekalkan budaya sesuatu bangsa. Sebahagian mereka akan menjadi pemimpin manakala sebahagian yang lain pula akan menjadi tenaga pekerja yang penting. Oleh itu suatu usaha yang bersungguh-sungguh perlu diambil dalam aspek pendidikan agar remaja benar-benar dididik dengan kaedah yang betul supaya mampu menghadapi cabaran semasa dan akan datang, seterusnya memikul peranan sebagai bakal pewaris kepimpinan.³

Pada pihak masyarakat pula, mereka melihat remaja daripada dua perspektif; pertama, daripada sudut yang positif iaitu remaja adalah golongan yang bertenaga , berfikiran cerdas, dan berani. Kedua, daripada sudut yang negatif, menganggap remaja sebagai tidak boleh dipercayai kerana mereka suka memberontak, bersikap biadab dan nakal.⁴

² Ibrahim Mamat (1997), *Mempimpin Remaja Sekolah Teori dan Praktik*. Subang Jaya:Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.,h.35

³ *Ibid.*,h.3

⁴ *Ibid.*, h.4

Dengan kedudukan remaja yang penting dalam masyarakat dan sikap masyarakat yang melihat dari sudut positif dan negatif terhadap mereka, maka suatu pendekatan diperlukan bagi memahami remaja itu sendiri dan apakah cara yang baik bagi masyarakat mendekati atau mendidik mereka agar mereka memasuki alam dewasa sebagai manusia yang dapat memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara dan umat.

Ma'had al-Tarbiyah al-Islamiyah atau ringkasnya MATRI (selepas ini penulis akan menggunakan MATRI sebagai ringkasan bagi Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah dalam penulisan ini) adalah sebuah sekolah agama rakyat yang didaftarkan dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis pada 8 April 1990 dan diberi nombor fail JAIPs. Am – 1/81.⁵ Ia juga didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997 pada 29 Ogos 1994 dengan nombor rujukan PPGS.5.2.4.SJ.21 (01) dan diberi nombor perakuan pendaftaran oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perlis sebagai JPPs.24/98.⁶

MATRI terletak di kawasan Beseri iaitu kira-kira 0.75 kilometer dari pekan Beseri dan pekan Beseri adalah kira-kira 10 kilometer daripada Bandar Kangar. Sekarang MATRI mempunyai pelajar seramai kira-kira 600 orang, daripada tingkatan satu hingga Tingkatan Enam (Marhalah Khassah). Pelajarnya terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang melalui pendidikan formal di sekolah tersebut. Terdapat pelajar luar negara iaitu dari selatan Thailand, Sumatera,

⁵ Surat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis , no. rujukan JAIPs. AM – 1/81 (8) bertarikh 8 April 1990. Salinannya disertakan dalam lampiran A

⁶ Salinan sijil pembaharuan pendaftaran bertarikh 1 Februari 2002 disertakan dalam lampiran B

Indonesia dan Kampuchea yang belajar di sekolah ini dalam marhalah khassah (menyamai tingkatan enam). Kajian ini menumpukan kepada aspek pendidikan sahsiah atau tarbiah di MATRI sesuai dengan tajuk penulisan ini iaitu “Pendidikan Remaja”. Terdapat beberapa program yang dijalankan di MATRI bagi memenuhi tuntutan pendidikan sahsiah atau tarbiah bagi pelajar-pelajarnya. Penulis mengkaji apakah program-program pendidikan sahsiah atau tarbiah yang dijalankan di MATRI dengan tujuan untuk melihat kekuatannya yang kemudiannya boleh dijadikan panduan bagi institusi pendidikan yang lain.

Penulis memilih MATRI sebagai objek kajian kerana ia adalah sekolah agama rakyat yang terkenal di negeri Perlis. Saban tahun ramai ibu bapa yang memohon untuk menyekolahkan anak-anak mereka di MATRI, namun oleh sebab tempat yang terhad, banyak permohonan yang terpaksa ditolak. Permohonan yang banyak itu disebabkan oleh keyakinan masyarakat terhadap pendidikan di MATRI yang mampu melahirkan pelajar yang bersahsiah baik dan mendapat pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum. Kecemerlangan MATRI semakin terserlah dengan anugerah tokoh Ma’al Hijrah peringkat negeri Perlis yang diterima oleh Mudirnya, Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain dan Timbalan Mudirnya, Tuan Haji Omar bin Haji Salleh.

1.2 Pengertian Tajuk

Tajuk yang akan penulis bincangkan ialah “**Pendidikan Remaja Muslim : Kajian Tentang Sejarah dan Pelaksanaannya di Ma’had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis**”.

Di bawah ini diterangkan beberapa perkataan penting yang menjadi asas kepada tajuk yang akan dibincangkan, diikuti dengan maksud tajuk secara keseluruhannya:

1.2.1 Pendidikan

“Pendidikan” ialah proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk mencapai tujuan yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidupnya.⁷ Dalam kajian ini kata “pendidikan” membawa maksud pendidikan untuk melahirkan sahsiah muslim, bukannya pendidikan akademik.

⁷ Prof. Dr. Abdul Halim Hj Mat Diah (1987), *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: ABIM, h.44

1.2.2 Remaja

“Remaja” adalah adalah periode transisi dari kanak-kanak ke awal dewasa , bermula di sekitar umur 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada sekitar umur 18 hingga 21 tahun.⁸

1.2.3 Muslim

“Muslim” bermaksud orang yang beragama Islam,⁹ pengikut ajaran Nabi Muhammad s.a.w.¹⁰

1.2.4 Rangkuman frasa “ Pendidikan Remaja Muslim”

Frasa “Pendidikan Remaja Muslim” bermaksud proses mendidik atau membimbing secara yang dirancang oleh si pendidik bagi remaja yang beragama Islam iaitu golongan yang berumur seawal-awalnya 10 tahun hingga selewat-lewatnya 21 tahun. Pendidikan yang dimaksudkan adalah pendidikan yang dapat melahirkan remaja yang memiliki sahsiah Islam iaitu beriman dan beramal dengan ajaran Islam dan berakhhlak dengan akhlak Islam serta membangunkan potensi mereka agar digunakan serasi dengan ajaran Islam.

⁸ Santrock, John W.(2002),*Psychology*. Boston: McGraw-Hill Companies, ed.ke-6, h.321

⁹ Kamus Dewan, Kuala Lumpur:DBP, c.4, ed. 3, 1998, h.912

¹⁰ Hornby, A.S.(2000), *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd., h.1206

1.2.5 Sejarah

“Sejarah” bermaksud peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau,¹¹ kajian mengenai peristiwa masa lampau terutamanya perkembangan politik, sosial dan ekonomi dan rentetan peristiwa atau pengalaman masa lampau yang berhubungan dengan benda, orang atau tempat.¹² Dalam hal ini penulis akan memberi tumpuan kepada sejarah pendidikan pelajar(remaja)¹³ di MATRI.

1.2.6 Pelaksanaannya

“Pelaksanaan” bermaksud perihal melaksanakan, menjalankan dan mengusahakan sesuatu rancangan.¹⁴ Perkataan “nya” selepas perkataan “Pelaksanaan”merujuk kepada frasa “Pendidikan Remaja Muslim”. Oleh itu, maksud “Pelaksanaannya” ialah pelaksanaan pendidikan remaja Muslim”

1.2.7 Ma’had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis.

Ma’had Attarbiyah Al-Islamiyah atau singkatannya “MATRI” adalah sebuah sekolah agama rakyat yang terletak kira-kira 0.75 kilometer dari pekan Beseri. Pekan Beseri pula terletak berhampiran jalan besar Kangar-Padang Besar. Ia adalah kira-kira 10 kilometer dari Bandar Kangar.

¹¹ Kamus Dewan, *op.cit.*,h. 1208

¹² Hornby, *op.cit.*, h. 873

¹³ Semua pelajar MATRI adalah dalam usia remaja

¹⁴ Kamus Dewan, *op.cit.*, h. 748

1.2.8 Rangkuman frasa “Sejarah dan Pelaksanannya di Ma‘had Attarbiyah Al-Islamiyah, Beseri, Perlis”

Rangkuman frasa di atas bermaksud:

- (i) Sejarah pendidikan pelajar (remaja) di MATRI.
- (ii) Pelaksanaan pendidikan yang dijalankan oleh pihak MATRI terhadap para pelajarnya. Dimaksudkan dengan pendidikan dalam kajian ini ialah pendidikan untuk melahirkan sahsiah muslim di kalangan pelajarnya serta membangunkan potensi mereka agar selari dengan ajaran Islam bukannya pendidikan akademik.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Mengkaji sejarah dan asal-usul pendidikan di MATRI.

1.3.2 Mengkaji pelaksanaan pendidikan atau tarbiah yang dijalankan di MATRI.

1.3.3 Mengetengahkan pengalaman pelaksanaan pendidikan di MATRI agar ia boleh dijadikan panduan oleh institusi pendidikan yang lain.

1.4 Kerangka Teori Kajian

Dalam sub tajuk ini dijelaskan teori asas dan andaian-andaian yang membentuk asas bagi perbincangan masalah dan pendekatan kajian. Teori adalah percubaan pertama untuk menghuraikan fenomena tertentu. Berteori boleh dimaksudkan sebagai proses memberikan huraian dan ramalan tentang fenomena sosial, umumnya dengan menghubungkan perkara yang ingin dikaji dengan beberapa fenomena lain.¹⁵ Kerangka teori kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Pendidikan atau tarbiah merupakan metode yang utama untuk membentuk keperibadian remaja muslim
- 1.4.2 Semangat pengorbanan menjadi teras dalam pelaksanaan pendidikan di sekolah agama rakyat.
- 1.4.3 Pelaksanaan program yang pelbagai dan berterusan mempermudahkan pembentukan sahsiah pelajar.
- 1.4.4 Organisasi pendidikan yang berjaya ialah yang mampu memanfaatkan sepenuhnya kekuatan yang ada padanya dan peluang yang ada di sekitarnya untuk digunakan bagi kemajuan pendidikan pelajarnya.
- 1.4.5 Pendidikan yang berkesan ialah pendidikan yang mampu mendidik pelajar memiliki akhlak terpuji dan melahirkan bakal pemimpin.

¹⁵ Kenneth D.Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.), Kuala Lumpur: DBP, h.56-57

1.5 Rumusan Masalah Kajian

Terdapat beberapa perkara yang menjadi tumpuan dalam kajian penulis. Di bawah sub tajuk ini, penulis gariskan rumusan masalah kajian:

- 1.5.1 Bagaimanakah sejarah penubuhan MATRI ?
- 1.5.2 Bagaimanakah sejarah Pendidikan MATRI?
- 1.5.3 Apakah perkara-perkara yang menjadi mangkin¹⁶ pendidikan di MATRI ?
- 1.5.4 Apakah perkara-perkara utama yang diberi penekanan dalam pendidikan di MATRI ?
- 1.5.5 Siapakah yang menjadi tenaga penggerak pendidikan di MATRI ?
- 1.5.6 Apakah program-program pendidikan yang dilaksanakan di MATRI ?
- 1.5.7 Bagaimanakah hubungan antara ibu bapa dengan sekolah dalam pelaksanaan program tersebut?
- 1.5.8 Apakah kesan pelaksanaan pendidikan di MATRI?
- 1.5.9 Apakah kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan di MATRI?

¹⁶ Mangkin bermaksud faktor yang dapat mempercepatkan berlakunya sesuatu perkembangan. Lihat *Kamus Dewan, op.cit.* h. 856

1.6 Kepentingan Kajian

- 1.6.1 Periode remaja adalah suatu jangka masa bagi seseorang membuat evaluasi, membuat keputusan dan memberi komitmen kepada persoalan siapa mereka dan menempah tempat bagi mereka di alam ini.¹⁷ Ia mengemukakan jawapan kepada persoalan siapakah remaja muslim dan apakah peranan mereka sebagai seorang muslim. Melalui kajian ini para *murabbi* dan mereka yang terlibat dalam pendidikan dan pembangunan remaja muslim mendapat garis panduan untuk mendidik dan membimbing mereka ke arah memanfaatkan potensi remaja dan membina remaja yang bersahsiah muslim.
- 1.6.2 Kajian ini juga mengemukakan jalan penyelesaian kepada masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja muslim kini. Ia mengenalpasti punca masalah dan mengemukakan *manhāj*, teknik dan program yang sesuai bagi mendidik para remaja muslim agar terselamat daripada masalah tersebut.
- 1.6.3 Kajian ini mengetengahkan pengalaman pelaksanaan pendidikan remaja muslim di MATRI yang mana boleh dijadikan contoh oleh institusi pendidikan remaja yang lain.
- 1.6.4 Kajian ini juga dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan remaja di MATRI dan mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh membantu memantapkan lagi kekuatan sedia ada dan memperbaiki kelemahan mana yang ada.
- 1.6.5 Dari aspek ekonomi, kajian ini dapat dijadikan panduan oleh mereka yang

¹⁷ Santrock, *op.cit.*, h. 346

sedang dan akan berkecimpung dalam profesi pendidikan dan pembangunan remaja muslim. Mereka boleh mendapat idea-idea bagi penyediaan konsep, modul dan program bagi pengendalian kursus-kursus pendidikan dan pembangunan remaja.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini ditumpukan kepada tiga bahagian utama:

- 1.7.1 Pertama: Pendidikan remaja Muslim yang merupakan landasan teori. Termasuk dalam aspek ini ialah penjelasan tentang pendidikan Islam, remaja dan pendidikan remaja.
- 1.7.2 Kedua : Sejarah pendidikan pelajar (remaja) di MATRI. Kajian difokuskan kepada sejarah penubuhan MATRI, sejarah pendidikan MATRI, sejarah tarbiah di MATRI dan sejarah perkembangan syiar MATRI.
- 1.7.3 Ketiga: Pelaksanaan pendidikan pelajar (remaja) di MATRI. Kajian tentang pendidikan di MATRI hanyalah difokuskan kepada pendidikan sahsiah pelajar atau tarbiah dan tidak meliputi pendidikan akademik..
- 1.7.4. Lokasi Kajian : Bagi perkara 1.7.3, semua kajian di buat di dalam kawasan MATRI kecuali data-data yang diperolehi daripada beberapa informan tertentu diperolehi daripada mereka yang tinggal berhampiran MATRI , menjalankan aktiviti berhampiran kawasan MATRI dan mempunyai hubungan dengan pelajar MATRI

1.8 Huraian Istilah

Di bawah ini dikemukakan istilah dan konsep yang digunakan dalam kajian ini berserta huraian maksudnya:

- 1.8.1 *Manhāj*: sukatan pelajaran atau garis panduan bagi melaksanakan pendidikan.
- 1.8.2 *Qudwah Hasanah*: contoh yang semestinya dicontohi.
- 1.8.3 Operasi : bermaksud proses melaksanakan sesuatu program
- 1.8.4 *At-risk* : berada dalam situasi yang terancam, tidak selamat atau bahaya.
- 1.8.5 Periode : suatu jangka masa
- 1.8.6 *Murabbī* : mereka yang menjalankan pendidikan sama ada guru, ibu bapa dan sebagainya.
- 1.8.7 Rakan sebaya : kawan-kawan yang hampir sama umur yang berkawan dengan remaja.
- 1.9.8 Elemen : anasir atau unsur yang penting dalam pendidikan
- 1.9.9 Institusi pendidikan : Pihak yang bertanggungjawab menjalankan pendidikan seperti rumah (ibu bapa) dan sekolah.
- 1.9.10 Ulamak Muktabar : Ulamak yang terbukti dalam kehidupan mereka mengajar, menghayati ajaran Islam dan berkorban untuk Islam.
- 1.9.11 Potensi : Kemampuan yang ada pada remaja seperti tenaga fizikal yang kuat, akal yang cerdas ,semangat yang tinggi dan daya kreativiti.

- 1.9.12 Mangkin: faktor yang mempercepatkan perkembangan
- 1.9.13 *Authority figures*: pihak yang mempunyai autoriti atau kuasa
- 1.9.14 Identiti kendiri: Sifat-sifat yang ada pada seseorang

1.10 Ulasan Penulisan

Pada tahun 1904, ahli psikologi G. Stanley Hall menulis buku saintifik yang pertama tentang remaja. Hall menggambarkan periode remaja adalah suatu periode yang penuh dengan “keributan dan stress” (*Storm and Stress*). Hall beranggapan periode remaja adalah suatu jangka masa perubahan yang dipenuhi konflik dan perubahan emosi. Kerap kali remaja dianggap bersikap abnormal dan menyimpang (*abnormal and deviant*).¹⁸

Selain daripada Hall, Freud pula menggambarkan remaja memiliki kecenderungan seks dan dipenuhi konflik(*sexually driven and conflicted*). Orang-orang muda dari setiap generasi dipandang sebagai radikal, tidak menenangkan, dan berbeza daripada orang-orang dewasa – berbeza daripada segi penampilan diri, cara berkelakuan dan muzik yang mereka minati.¹⁹

Santrock pula memberi pendapat yang berbeza daripada Hall dan Freud. Baginya tidak banyak faedahnya melihat remaja sebagai golongan yang memberontak, berkrisis dan menyimpang. Adalah lebih baik dan tepat untuk

¹⁸ *Ibid.*, h.345

¹⁹ *Ibid.*

melihat periode remaja sebagai masa untuk membuat penilaian (*evaluation*), masa untuk membuat keputusan, masa untuk memberi komitmen sebagai orang muda yang sedang cuba untuk membina sebuah tapak kehidupan di alam ini. Sejauh mana kompetennya mereka bergantung kepada sejauh mana mereka dapat akses kepada peluang-peluang yang sah dan sokongan jangka panjang daripada orang-orang dewasa yang amat mengambil berat akan mereka.²⁰

Penulis-penulis Islam lebih melihat pendidikan remaja sebagai suatu yang bersinambungan dari periode kanak-kanak ke alam dewasa. Pendidikan awal selalunya dilihat sebagai persediaan untuk menghadapi usia baligh. Oleh itu selalunya mereka melihat pendidikan dalam bentuk sebelum baligh dan sesudah baligh. Sebagai contoh, Imam al-Ghazzālī telah menulis dalam *Iḥyā' 'Ulūm ad-Dīn* tentang cara-cara mendisiplinkan kanak-kanak, membesarkan dan memperbaiki budi pekerti mereka.²¹ Sebuah lagi penulisan beliau dalam bidang ini ialah, al-Imam al-Ghazali (1998), *Ayyuha al-Walad (Wahai Anakku yang Tercinta)*. Ahmad Fahmi Zamzam (terj.) Pokok Sena, Kedah: Khazanah Banjariah. Buku ini menyentuh tentang nasihat kepada anak-anak muslimin dalam hal menjaga diri dan adab-adab terhadap guru dan menuntut ilmu. Antara penulisan abad ke-20, 'Abd Allāh Nāṣīḥ 'Ulwān (1985), *Tarbiyah al-Aulād fī al-Islām*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām. Buku ini merupakan sebuah buku yang lengkap yang menjelaskan tentang skop pendidikan untuk anak-anak kaum Muslimin serta teknik-teknik pendidikan

²⁰ *Ibid.*

²¹ T.J. Winter (pentrrj) (1985), *Al-Ghazali on Disciplining the Soul Books XXII and XXIII of the Revival of the Religious Sciences Iḥyā' 'Ulūm ad-Dīn*. Cambridge: The Islamic Texts Society, h. 75-82

yang sesuai untuk mereka. Dr. Aḥmād ‘Uthmān (1982), *Tarbiyyah al-Aulād wa al-Abnā’ fī al-Islām*. Bairūt: Dār al-Qutaibah, membincangkan perkembangan psikologi anak-anak termasuk remaja dan teknik-teknik pendidikan yang sesuai untuk mereka. Sebuah buku yang membicarakan secara khusus tentang pendidikan remaja muslim ialah Muḥammad Jamāl al-Dīn Maḥfūz (1984), *Tarbiyyah al-Murāhiq fī al-Madrasah al-Islāmiyyah*. T.K.: al-Hai’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb. Ia membincangkan tentang kepentingan periode remaja, psikologi remaja, pendidikan remaja muslim di rumah dan sekolah, pembentukan adab bagi remaja dan pendidikan ketenteraan bagi remaja. Manakala Dr. Hasan bin Ali Hasan al-Hijazi (2001), *Manhaj Tarbiyah Ibn Qayyim*. Muzaidi Hasbullah (terj.), Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar juga banyak membantu dalam menjelaskan konsep dan skop tarbiah serta adab-adab *murabbī* dan anak didik.

Carian dalam enjin carian Netscape pada 28 September 2002 atas frasa “adolescent/adolescence education” menemukan sebanyak 70,501 laman web yang berkaitan dengannya . Hal ini berbeza dengan carian menggunakan frasa “pendidikan remaja” menemukan sebanyak 1,690 dan “pendidikan remaja Muslim” menemukan sebanyak 1,320 laman web. Pengkaji barat mendahului dalam bidang ini kerana kepesatan kemajuan ilmu pengetahuan mereka selepas kelemahan umat Islam. Selain itu, masalah sosial yang melanda remaja Barat selepas revolusi perindustrian telah menyebabkan ahli-ahli pendidikan Barat terlebih dahulu memberi perhatian kepada kajian-kajian tentang penyelesaian masalah remaja.

Mengenai MATRI, buat masa ini belum ada lagi buku yang ditulis mengenainya. Ini disebabkan penulis-penulis memberi tumpuan kepada institusi pengajian lain yang lebih besar dan penting.

1.11 Metodologi Kajian

Dalam proses mengumpulkan data, penulis telah menggunakan teknik-teknik berikut:

1.11.1 Kajian Perpustakaan

i. Bahan yang Diterbitkan

Penulis mengkaji bahan bercetak yang diterbitkan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Data-data yang berkaitan diperolehi daripada buku-buku, majalah, jurnal, ensaiklopedia dan surat khabar. Teknik ini digunakan bagi mendapatkan data-data tentang latar belakang masalah, pengertian tajuk dan sub tajuk serta landasan teori.

ii. Bahan yang tidak diterbitkan

Fail-fail, buku-buku cenderamata, majalah sekolah dan catatan peribadi digunakan sebagai sumber rujukan bagi kajian tentang sejarah MATRI, sejarah pendidikan MATRI dan program-program pendidikan di MATRI .

iii. Bahan-bahan daripada Laman Web

Sesuai dengan perkembangan semasa dalam bidang ICT penulis juga telah membuat rujukan dalam beberapa laman web yang berkaitan dengan pendidikan remaja.

1.11.2 Kajian Lapangan

i. Pemerhatian

Penulis menggunakan teknik pemerhatian untuk melihat sendiri pelaksanaan program-program pendidikan di MATRI. Hal ini tidak sukar bagi penulis kerana penulis sentiasa berulang alik ke MATRI untuk menghantar dan mengambil anak penulis yang belajar di sana. Pengalaman penulis bergaul dengan para guru dan pelajarnya banyak membantu dalam hal ini.

ii. Temubual

Penulis menggunakan teknik temubual dengan responden yang dapat memberikan data tentang masalah yang dikaji. Antaranya ialah data tentang sejarah MATRI, perkembangannya dan pelaksanaan pendidikan di MATRI. Temubual dijalankan secara langsung dan tidak langsung. Responden yang dipilih adalah berdasarkan beberapa keperluan seperti Mudir MATRI yang merupakan pengasas dan pentadbir MATRI dan guru yang memegang tugas-tugas tertentu serta beberapa orang pelajar MATRI. Temubual juga dibuat dikalangan beberapa orang yang memerhati MATRI dari luar.

iii. Borang Maklumat

Borang maklumat ini dikemukakan kepada guru-guru sekolah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas tertentu. Borang ini berbeza daripada borang soal selidik kerana responden perlu menulis nama, jawatan, tarikh dan menurunkan tanda tangan. Ia boleh dikatakan sebagai ‘temubual bertulis’. Penggunaan borang ini lebih mudah daripada temubual kerana tidak perlu diadakan temujanji. Responden boleh mengambil masa yang sesuai dan berfikir panjang sebelum memberikan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Responden lebih bertanggungjawab dalam memberikan maklumat berbanding dengan soal selidik kerana mereka perlu tanda tangan borang maklumat tersebut.

iv. Soal Selidik

Borang-borang soal selidik dikemukakan kepada pelajar-pelajar tingkatan lima.

Mereka dipilih kerana telah lima tahun melalui proses pendidikan di MATRI.

1.12 Sistematika Penulisan

Dalam kajian ini penulis membahagikan kepada lima bab:

1.12.1 Bab Satu

Mengandungi latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kerangka teori kajian, rumusan masalah kajian, kepentingan kajian, skop kajian, huraian istilah, ulasan penulisan dan sistematika penulisan.

1.12.2 Bab Dua

Bab ini merupakan landasan teori. Dalam bab ini penulis membincangkan tentang pendidikan Islam, remaja dan pendidikan pemaja.

1.12.3 Bab Tiga

Dalam bab ini penulis membincangkan tentang metodologi kajian.

1.12.4 Bab Empat

Dalam bab ini penulis membincangkan laporan kajian tentang sejarah dan pelaksanaan pendidikan pelajar (remaja) di MATRI. Dalam bab ini juga penulis menganalisa data-data yang diperolehi daripada laporan kajian tersebut.

1.12.5 Bab Lima

Dalam bab ini penulis membincangkan tentang kesimpulan kajian dan saranan seperti berikut:

i. Kesimpulan

Rumusan-rumusan utama tentang pendidikan remaja muslim, sejarah pendidikan remaja muslim dan pelaksanaan pendidikan di MATRI.

ii. Saranan

Cadangan-cadangan kepada MATRI untuk memperkemaskan lagi pendidikan atau tarbiah pelajarnya dan cadangan-cadangan untuk pelaksanaan pendidikan remaja muslim.

1.13 Kesimpulan

Adalah diharapkan kajian ini membantu ibu bapa dan pendidik yang mencari jawapan kepada persoalan remaja dalam proses mendidik anak-anak dan anak didik mereka. Sesungguhnya remaja adalah pewaris zaman akan datang. Baik atau buruk kehidupan akan datang bergantung bagaimana mereka diasuh dan didik pada hari ini.